

**PERANAN PERPUSTAKAAN PENJARA DALAM
PEMBENTUKAN SAHSIAH PESALAH JUVANA**

¹E.R.K Rafedzi, ²A. Abrizah dan ¹Halida Yu

¹Fakulti Pengurusan Maklumat,

Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia

²Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat,

University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

eezza464@salam.uitm.edu.my; abrizah@um.edu.my; halidayu@gmail.com

ABSTRAK

Peningkatan kejadian jenayah dikalangan remaja ketika ini amatlah membimbangkan. Ia seolah-olah menjadi tren semasa yang perlu diikuti oleh remaja. Kesilapan yang mendorong mereka terjebak ke kancah jenayah sehingga dipenjarakan akan merugikan remaja berkenaan kerana terpaksa menetap di sebalik tirai besi ketika rakan sebaya sedang sibuk dengan menelaah ilmu pelajaran atau mencari pekerjaan. Artikel ini memfokuskan mengenai keberkesanan peranan perpustakaan penjara di dalam membentuk sahsiah pesalah juvana semasa mereka berada dalam penjara. Selain daripada mendapat didikan agama/nasihat dan terapi tingkahlaku; penyediaan program pemulihan juga haruslah berlandaskan program pendidikan dan program kemahiran yang berkait rapat dengan penggunaan perpustakaan penjara. Proses pemulihan pesalah juvana adalah amat penting kerana tanpa pemulihan yang bersesuaian, pesalah juvana akan sentiasa berasa tidak puas hati, resah dan akan mudah bertindak ganas. Perpustakaan penjara mempunyai peranan yang besar di dalam proses pemulihan pesalah juvana ini dan membentuk sahsiah mereka dengan menyediakan bahan-bahan bacaan yang mempunyai nilai positif.

Kata kunci: Perpustakaan penjara; Pesalah juvana; Keperluan maklumat; Juvana Malaysia.

ABSTRACT

The increasing crime rate among teenagers currently is worrying. It seems to be the current trend that has to be followed by teenagers. The mistakes that drive them to criminal acts resulting in their imprisonment is harmful to teenagers since they have to be kept behind bars while other teenagers are either studying or job hunting. This article focuses on the effectiveness of prison libraries in forming the character of

E.R.K Rafedzi, A. Abrizah dan Halida Yu

juvenile criminals while they are in prison. Besides getting religious education/advice and behaviour therapy, preparatory rehabilitation programmes should be based on educational and skills programmes which are closely related to usage of the prison libraries. The rehabilitation process for juvenile offenders is important because without suitable rehabilitation, juvenile offenders will always be dissatisfied, restless and can easily behave violently. Prison libraries have a major role in the rehabilitation process and character formation of these juvenile offenders through the provision of reading materials that have positive values.

Keywords: *Prison library; Juvenile offenders; Information needs; Malaysian juveniles.*

PENGENALAN

Penjara adalah tempat yang sinonim dengan segala bentuk kesalahan, hukuman dan selalu mengundang pandangan negatif dari masyarakat yang tidak mengenali erti sebenar tempat berkenaan. Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2013), “penjara adalah tempat atau bangunan penjenayah dikurung sebagai hukuman”. Ada beberapa jenis hukuman yang dikenakan kepada pesalah atau banduan di penjara. Di antaranya hukuman penjara sepanjang hayat (sehingga mati), seumur hidup, dalam jangkamasa 10 tahun atau dalam jangkamasa yang singkat. Banduan atau penghuni penjara yang dihukum di penjara dalam jangkamasa yang agak panjang, dijangkakan akan berubah menjadi individu yang lebih baik daripada sebelumnya. Perlu diingatkan bahawa penjara bukan sahaja dihuni oleh banduan dewasa tetapi juga dihuni oleh banduan atau pesalah muda/juvana yang berusia kurang dari 21 tahun. Walaupun usia pesalah juvana adalah masih muda, tetapi kesalahan yang mereka lakukan adalah sama seperti banduan dewasa. Antara kesalahan mereka seperti mencuri, menyamun, merogol, memiliki senjata api, menagih dan mengedar dadar serta membunuh. Hukuman yang dikenakan kepada pesalah juvana yang terlibat dengan kesalahan membunuh adalah penjara seumur hidup atau sehingga mendapat keampunan daripada Sultan atau Yang DiPertuan Agong.

Apabila berbicara mengenai pesalah juvana, timbul persoalan bagaimana juvana yang sedang menjalani hukuman ini mendapat hak pelajaran mereka. Adakah mereka diberi hak yang sewajarnya untuk mendapatkan pelajaran di peringkat sekolah rendah, menengah, dan seterusnya pendidikan tinggi? Jika ada, apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh institusi penjara bagi membolehkan mereka mendapat akses kepada maklumat sebagaimana rakan-rakan mereka yang berada di luar? Mengikut IFLA (2008), di dalam persekitaran maklumat, penghuni

Peranan perpustakaan penjara dalam pembentukan sahsiah pesalah juvana

penjara dikategorikan sebagai individu yang tidak bernasib baik kerana kekurangan yang terdapat pada diri mereka seperti buta huruf, kurang pencapaian pendidikan, kurang kemahiran vokasional, mempunyai penyakit mental dan ketidakstabilan emosi (Lehmann, 1999). Di dalam menyokong usaha transformasi penghuni penjara, keperluan mengakses dan menggunakan maklumat bagi tujuan latihan dan pendidikan amatlah penting kepada mereka. Semasa berada di dalam penjara, kebanyakan penghuni penjara mempunyai minat membaca dan keperluan maklumat yang sama seperti individu yang berada di luar penjara (Lehmann, 1999). Oleh itu, perpustakaan penjara mempunyai peranan penting untuk menyediakan maklumat bagi keperluan latihan dan pendidikan penghuni penjara.

Kepentingan mempunyai perpustakaan penjara di Malaysia telah termaktub di dalam Peraturan Penjara Malaysia (2000) ia itu “Perpustakaan hendaklah disediakan di setiap penjara dan, tertakluk kepada peraturan-peraturan ini dan dengan dalam beberapa keadaan sepertimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, setiap banduan hendaklah dibenarkan mempunyai buku-buku perpustakaan dan pertukaran buku perpustakaan kerap dilaksanakan.” Menurut LJodal dan Ra (2011), kebanyakan penghuni penjara bersetuju bahawa perpustakaan penjara berfungsi seperti tingkap kepada dunia untuk mengelakkan kebosanan berada di sebalik dinding penjara. Walaubagaimanapun, menurut Lehmann (2003), idea untuk menawarkan konsep pendidikan, pemulihan dan peluang pekerjaan masih tidak diterima oleh negara membangun. Apa lagi konsep hak seorang penghuni penjara, rawatan perubatan serta hak untuk membaca dan bebas mengakses maklumat. Harus diingatkan bahawa dengan program yang dianjurkan oleh perpustakaan penjara seperti program membaca, ia secara tidak langsung akan membantu kepada menurunkan kadar keganasan dikalangan penghuni penjara (Brunner, 1993; Ripley, 1993). Di institusi penjara Malaysia, pesalah juvana diasingkan penempatan mereka daripada penghuni dewasa. Pesalah juvana akan diletakkan di dalam penjara yang dilengkapi dengan sekolah/pusat pembelajaran. Seperti contoh, penubuhan Sekolah Integriti telah membantu di dalam menyediakan pendidikan/pembelajaran/latihan kepada pesalah juvana. Penubuhan sekolah ini secara tidak langsung membantu pihak institusi penjara untuk membangunkan perpustakaan penjara.

PERATURAN PENJARA MALAYSIA

Menurut Bowe (2011), koleksi bahan perpustakaan seharusnya mencerminkan keperluan dan minat populasi di dalam penjara dan berasaskan kepada kepelbagaian maklumat. Disebabkan kehidupan di penjara adalah berbeza dengan dunia luar, koleksi perpustakaan adalah berdasarkan kepada peraturan penjara. Di dalam

Peraturan-peraturan Penjara Malaysia 2000, terdapat lima (5) perkara yang berkaitan dengan buku atau bahan bacaan iaitu :

- i. Perpustakaan penjara.
Peraturan 152 menerangkan bahawa setiap penjara hendaklah menyediakan perpustakaan yang disediakan di setiap penjara dan, tertakluk kepada peraturan-peraturan ini dan dengan dalam beberapa keadaan sepertimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, setiap banduan hendaklah dibenarkan mempunyai buku-buku perpustakaan dan pertukaran buku perpustakaan kerap dilaksanakan
- ii. Bahan bacaan.
Peraturan 153 adalah mengenai bahan bacaan. Pihak penjara boleh menerima bahan bacaan daripada pihak luar berdasarkan kepada beberapa syarat yang ditentukan oleh pihak penjara.
- iii. Penggunaan buku dan alat tulis.
Peraturan 71, setiap penghuni penjara boleh menggunakan buku dan alat tulis yang diterima atau diperolehi melalui pegawai penjara dengan kebenaran dan kelulusan daripada pegawai yang bertugas selagi mengikut peraturan penjara yang ditetapkan.
- iv. Buku keagamaan
Peraturan 150, buku keagamaan boleh digunakan secara peribadi oleh mana-mana penghuni penjara sebagai panduan dan ajaran yang diiktiraf dan diterima oleh pegawai yang bertugas untuk digunakan di dalam penjara.

PESALAH JUVANA DI MALAYSIA

Peningkatan kegiatan jenayah dikalangan remaja menjadi satu tren yang semakin membimbangkan di Malaysia. Hal ini akan menyebabkan remaja akan menghabiskan masa mereka di dalam penjara (Rafedzi & Abrizah, 2014). Berdasarkan kepada undang-undang Malaysia, Akta Penjara 1995 (Akta 537), pesalah juvana adalah merujuk kepada penghuni penjara yang berusia dibawah 21 tahun. Pada tahun 2010, bilangan remaja di dalam kategori dibawah 21 tahun adalah sebanyak 46.6% daripada populasi penduduk di Malaysia. Daripada populasi ini, 0.32% terlibat dengan kegiatan jenayah. Walaupun bilangan peratusannya agak kecil, statistic menunjukkan kegiatan jenayah dikalangan remaja semakin meningkat daripada setahun ke setahun.

Dalam tempoh dua bulan pertama pada tahun 2009, seramai 295 remaja yang berusia antara 13 hingga 18 tahun terlibat dalam pelbagai kes jenayah termasuk membunuh. Antara kes-kes jenayah yang dilakukan oleh remaja adalah mencuri motosikal, pecah rumah, mencederakan individu, dan merogol (Nurul Adlina

*Peranan perpustakaan penjara dalam pembentukan
sahsiah pesalah juvana*

Kamaluddin, 2009). Kegiatan mencuri motosikal mencatatkan jumlah tertinggi dengan 975 kes (The Star, 2010) dan kebanyakan remaja yang terlibat dalam jenayah ini adalah berketurunan Melayu. Berdasarkan statistik dari Ibu Pejabat Penjara Malaysia pada tahun 2013, daripada jumlah 2,010 pesalah juvana yang telah ditangkap; 753 orang ditangkap kerana telah melanggar Akta 574 Kanun Keseksaan dengan kesalahan seperti merogol, menggunakan kekerasan dan serangan, menyebabkan kecederaan, mencuri, memeras ugut dan merompak. Seramai 620 orang lagi terlibat dengan kesalahan berkaitan dengan Akta Imigresen 1959/63, 590 orang terlibat dengan Akta Dadah Berbahaya 1952 dan kesalahan lain adalah seperti dibawah Akta Pendaftaran Negara 1959, Akta Senjata Api (1971), Dadah Berbahaya (Akta Pencegahan Khas 1985) dan lain-lain.

Menurut Chiam dan Chan (2011), merokok adalah satu kesalahan yang paling kerap dilaporkan berlaku dikalangan juvana yang bermasalah. Dalam kajian mereka, sebanyak 79.4% juvana bermasalah mengakui merokok adalah perkara biasa yang selalu dilakukan. Abdul Wahab Kassim (2012) bersetuju dengan hasil kajian Chiam dan Chan dan menambah bahawa pada peringkat awal kenakalan seseorang juvana adalah dalam bentuk penentangan terhadap peraturan sekolah seperti ponteng sekolah, merokok dan vandalisme. Abdul Wahab berkata daripada peringkat awal ini, mereka akan cepat terpengaruh untuk melakukan jenayah yang lebih serius seperti membuli, mencederakan individu lain, merogol, mencuri dan membunuh.

Menurut Finn (1989), kebiasaannya seorang remaja yang tidak berminat di dalam pendidikan atau mempunyai prestasi akademik yang rendah akan mula terjebak dengan beberapa tingkahlaku bermasalah seperti ponteng kelas, ponteng sekolah dan mengganggu rakan-rakan lain di dalam kelas. Apabila prestasi akademik mereka merosot atau sering gagal di dalam pelajaran, remaja atau kanak-kanak ini akan menjadi malu dan kecewa dan untuk itu remaja atau kanak-kanak ini mungkin akan menunjukkan tingkahlaku yang tidak bersesuaian dengan umur mereka (Finn, 1989; Farrington, 1994; Elliot, 1966). Kenyataan ini disokong oleh Vacca (2008) dengan mengatakan bahawa, remaja atau kanak-kanak yang tidak menghadiri sesi persekolahan, kebiasaannya akan mengalami kemurungan atau benci pada pelajaran dan menyebabkan tingkahlaku mereka akan berubah menjadi lebih kronik. Ini termasuk kekerapan kes ponteng sekolah dan menyebabkan mereka digantung persekolahan. Menurut Hassan (2004), 80% daripada remaja yang terlibat dengan jenayah berasal daripada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM1000 dan mempunyai ahli keluarga yang terlalu ramai di dalam satu rumah. Keadaan ini mewujudkan tekanan dan keadaan tidak selesa semasa berada di rumah oleh remaja berkenaan.

E.R.K Rafedzi, A. Abrizah dan Halida Yu

Kepentingan pendidikan telah ditekankan kepada pesalah juvana yang berusia 21 tahun ke bawah untuk mengelakkan mereka daripada kembali terjerumus ke dalam aktiviti jenayah apabila dibebaskan kelak (Rafedzi & Abrizah, 2014). Pesalah juvana ini diberikan pendidikan yang sama seperti juvana yang berada di luar penjara. Mereka akan menerima pendidikan formal dan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM dibawah program khusus pihak Kementerian Pelajaran dengan kerjasama daripada pihak Jabatan Penjara Malaysia. Beberapa orang guru akan dihantar ke penjara berkenaan untuk mengajar pesalah juvana berdasarkan kepada program akademik seperti :

- a) Kelas 3M (kelas menulis, membaca dan mengira)
- b) Kelas Pra-PMR
- c) Kelas PMR
- d) Kelas Pra-SPM
- e) Kelas SPM
- f) Kelas STPM
- g) Kelas pengajian diploma / ijazah sarjana muda (Program pengajian jarak jauh).

Kewujudan kelas-kelas akademik seperti ini secara tidak langsung telah menggalakkan pesalah juvana untuk menggunakan perpustakaan penjara bagi mendapatkan maklumat berkaitan pelajaran mereka. Selain daripada itu, pihak institusi penjara juga menyediakan beberapa kelas kemahiran seperti kemahiran bertukang, menggunting rambut dan bengkel motorsikal. Sasaran kelas kemahiran ini adalah untuk pesalah juvana yang tidak atau kurang berminat di dalam program akademik; dan lebih cenderung kepada program kemahiran teknikal.

PERPUSTAKAAN PENJARA

Di awal penubuhan perpustakaan penjara, ianya didapati membantu di dalam menyediakan bahan bacaan dan perbincangan antara penghuni penjara di dalam hal ehwal keagamaan sahaja. Tetapi, pada hari ini, tujuan penubuhan perpustakaan penjara adalah lebih luas, iaitu untuk menyokong misi pendidikan institusi penjara. Ini termasuk menyediakan bahan bacaan berbentuk rekreasi kepada penghuni penjara (Conrad, 2012). Beliau juga menambah bahawa perpustakaan penjara hendaklah menyediakan keperluan maklumat kepada penghuninya seperti maklumat mengenai polisi institusi dan maklumat untuk mempertingkatkan kemahiran vokasional. Disamping itu, perpustakaan penjara berperanan penting dalam menyediakan bahan-bahan pelajaran, menyokong proses pemulihan, menyediakan bahan bacaan bagi tujuan rekreasi, dan menyediakan maklumat berkaitan kerjaya dan masyarakat sebagai panduan kepada penghuni penjara

*Peranan perpustakaan penjara dalam pembentukan
sahsiah pesalah juvana*

sebelum mereka dilepaskan kelak. Bagi pesalah juvana, Gilman (2008) menyatakan bahawa perpustakaan adalah penting kepada mereka untuk mendapatkan kemahiran. Kemahiran berkenaan sekurang-kurangnya dapat membantu pesalah juvana untuk mencari pekerjaan selepas dibebaskan dan kemahiran itu juga penting kepada mereka sebagai persediaan menyertai masyarakat selepas dibebaskan kelak.

a) Koleksi bahan bacaan di penjara

Koleksi bahan-bahan di perpustakaan perlu disediakan dalam pelbagai format yang sesuai berdasarkan kepada pemilihan subjek dan keperluan individu (Bowe, 2011). Menurut Zybert (2011), polisi-polisi khas berkaitan dengan pemilihan dan pengaksesan bahan-bahan perpustakaan penjara perlu disediakan bagi kegunaan penghuni penjara ketika berada di hospital untuk mendapatkan rawatan dan koleksi bagi kegunaan kakitangan penjara secara eksklusif bagi tujuan rujukan professional. Beliau menambah, koleksi seperti buku-buku bacaan yang dikhususkan kepada penghuni penjara seharusnya juga dapat membantu menangani kemarahan dan membendung perasaan negatif mereka yang berkemungkinan adalah penyebab kepada perlakuan ganas dan jenayah mereka. Bahan rujukan berkaitan bangsa, bahasa dan agama juga perlu dititikberatkan oleh pihak institusi penjara kepada penghuni penjara yang berasal dari latarbelakang yang berbeza dengan penghuni penjara yang lain (Bowe, 2011).

Walaupun begitu, penapisan rapi perlu dilaksanakan terhadap kemasukan bahan-bahan bacaan di perpustakaan penjara. Pihak institusi penjara amat menyedari hakikat bahawa kemasukan bahan-bahan tertentu di dalam perpustakaan boleh menyebabkan penghuni penjara gagal mengawal tingkahlaku mereka. Lehman (1999) menyatakan antara topik atau subjek yang tidak dibenarkan memasuki perpustakaan penjara adalah seperti pembuatan bom, melarikan diri dari penjara dan seni mempertahankan diri. Penghuni penjara juga dilarang daripada mengakses bahan-bahan sastera dan bahan-bahan yang mencerminkan tingkahlaku negatif serta kandungan yang dianggap boleh memudaratkan keselamatan penjara seperti mogok, demonstrasi dan tingkahlaku yang menggambarkan keganasan dan kekejaman (Zybert, 2011). Selain daripada itu, topik-topik lain yang dilarang adalah seperti gengsterisme, senjata api, pisau, bom, racun, kod rahsia, melarikan diri, kebencian antara kaum atau agama, kemahiran jenayah (mengunci, sistem keselamatan rumah) dan seks (Conrad, 2012).

b) Perkhidmatan pakar rujuk/pustakawan

Perpustakaan penjara perlu diuruskan dan ditadbir oleh pustakawan profesional memandangkan profesional ini terlatih dan berpengalaman di dalam menguruskan perpustakaan. Juga amat penting kepada pustakawan tersebut untuk memahami hal ehwal berkaitan penghuni penjara dan pemulihan mereka. Zybert (2011), mencadangkan agar pustakawan profesional di perpustakaan penjara dikenali sebagai pendidik perpustakaan. Pendidik ini akan bertanggungjawab di dalam menguruskan perkhidmatan dan operasi perpustakaan; termasuk membangunkan koleksi, menguruskan hal berkaitan pinjaman dan pemulangan bahan, penyimpanan rekod, menyediakan perkhidmatan perpustakaan seperti hari membaca, panduan membaca serta menyediakan laporan berkaitan perpustakaan.

Salah satu ciri penting yang mesti dimiliki oleh pustakawan penjara adalah mereka mestilah mampu mengenal pasti bahan bacaan yang sesuai serta keperluan dan kehendak maklumat di kalangan penghuni penjara (LJodal & Ra, 2011). Tidak dinafikan peranan pustakawan penjara ketika ini amatlah mencabar kerana perlu menyediakan perkhidmatan yang dianggap unik kepada para penghuni penjara yang semestinya tidak diminati oleh mana-mana individu yang lain (Bowe, 2011). Beliau menambah bahawa pustakawan dalam penjara perlu belajar meninggalkan pendekatan yang mengutamakan pelanggan dan menggantikannya dengan profesionalisme untuk melayan kehendak pelanggan yang dianggap bermasalah dan berisiko. Ketika ini, kakitangan penjara yang menguruskan perpustakaan penjara. Kakitangan penjara ini mungkin tidak mempunyai ijazah di dalam bidang berkaitan sains perpustakaan dan kebanyakan mereka adalah individu yang hanya memiliki ijazah di dalam pelbagai bidang. Hakikatnya, perpustakaan seharusnya diuruskan oleh individu yang berkelayakan sahaja memandangkan individu yang lain tidak berkelayakan untuk menguruskan perpustakaan secara profesional.

c) Perkhidmatan

Perkhidmatan perpustakaan penjara amat diperlukan sama ada oleh kakitangan penjara atau penghuni penjara. Perpustakaan penjara menjadi satu tempat pemulihan yang menyokong kepada penubuhan institusi penjara dengan melaksanakan beberapa program yang berkesan kepada

Peranan perpustakaan penjara dalam pembentukan sahsiah pesalah juvana

penghuni penjara sebelum dibebaskan kelak (McClaskey, 1977). Di dalam era masyarakat bermaklumat, penghuni penjara juga memerlukan maklumat sama seperti masyarakat yang berada di luar penjara walaupun mereka mempunyai latarbelakang akademik yang rendah (Glennor, 2006). Akibat daripada itu, mereka sukar untuk menjelaskan keperluan maklumat mereka atau cuba untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Menurut The Department of Corrections (DOC) California, perpustakaan penjara mempunyai dua pengkhususan iaitu :

- i. Untuk menyediakan perpustakaan undang-undang kepada penghuni penjara
- ii. Untuk menyokong program pendidikan penjara.

Perkhidmatan perpustakaan juga membantu penghuni penjara di dalam proses pemulihan sahsiah dan menyediakan bahan yang berkaitan dengan proses pemulihan, pendidikan dan latihan (Lemon, 1997). Knudsen (2000) yang merupakan seorang penghuni penjara menyokong pendapat Lemon dengan menambah bahawa perpustakaan penjara banyak memberikan kesan terhadap kehidupan beliau; yang mana beliau berjaya mendapatkan pendidikan dan menenangkan fikiran semasa berada di dalam perpustakaan penjara.

PEMBENTUKAN SAHSIAH PESALAH JUVANA

Perkataan sahsiah berasal dari perkataan Arab. Mengikut Kamus Dewan (2013), sahsiah bermaksud keperibadian atau peribadi. Manakala erti keperibadian adalah proses pembinaan peribadi untuk menjadi insan yang terpuji akhlaknya. Pesalah juvana yang ditahan berasal dari sahsiah yang berbeza. Ada yang bermasalah berkaitan akademik, sosial, emosi, kesihatan dan juga tingkahlaku (Vacca, 2008). Dalam erti kata lain, pesalah juvana membina sahsiah yang wujud dipersekitaran mereka. Maka dengan itu, program pemulihan adalah penting untuk pesalah juvana untuk membantu mereka diterima semula oleh masyarakat apabila dibebaskan kelak; dan paling utama selepas dibebaskan, mereka telah dipulihkan sepenuhnya daripada masalah yang melanda sebelum dipenjarakan (Darbouze, 2008).

Model pemulihan akhlak pesalah juvana tertumpu kepada sesi keagamaan/nasihat, persediaan kerjaya, latihan kemahiran dan terapi tingkahlaku. Model seperti ini dibina untuk mengawal dan mengubah tingkahlaku pesalah juvana berserta mengurangkan kesalahan dan kesilapan yang sering dilakukan oleh pesalah juvana (Bradshaw & Roseborough, 2005). Vacca (2008) menambah bahawa model pendidikan yang diserapkan kepada pesalah juvana juga amat dititikberatkan dan

E.R.K Rafedzi, A. Abrizah dan Halida Yu

perlu diberi perhatian sepenuhnya seperti penyediaan program pemulihan literasi, program diploma am, program pendidikan khas, program kemahiran dan latihan pra-pekerjaan.

Darbouze (2008) berpendapat bahawa kaedah pemulihan yang realistik perlu untuk diterapkan kepada pesalah juvana sebelum mereka bercampur dengan masyarakat satu hari nanti. Bagi Czajkowski (1992), program pemulihan yang terbaik bagi pesalah juvana dan juga penghuni penjara yang lain adalah dengan memperkasakan amalan membaca. Sudah pasti pilihan bahan yang tepat memainkan peranan yang penting untuk proses pemulihan pesalah juvana ini. Proses pemulihan pesalah juvana adalah amat penting kerana tanpa pemulihan yang bersesuaian, pesalah juvana akan sentiasa berasa tidak puas hati, resah dan akan mudah bertindak ganas (Gendron, 1988). Perpustakaan penjara mempunyai peranan yang besar di dalam proses pemulihan pesalah juvana ini dan membentuk sahsiah mereka dengan menyediakan bahan-bahan bacaan yang mempunyai nilai positif (Barone, 1977).

MASALAH PERPUSTAKAAN PENJARA

Perpustakaan penjara untuk kegunaan pesalah juvana mempunyai beberapa masalah yang perlu diambil tindakan segera.

a) Ruang dan peruntukan.

Ruang bagi perpustakaan penjara amatlah terhad. Contohnya, di perpustakaan C, ruang perpustakaan adalah terlalu kecil berbanding bilangan pesalah juvana yang berada di tempat berkenaan. Perpustakaan berkenaan juga adalah terlalu suram, yang menyebabkan pesalah juvana tidak berminat untuk duduk di dalamnya walaupun hanya untuk tujuan membaca. Guru perpustakaan di Sekolah SE mengakui bahawa ruang perpustakaan adalah mengikut kepada permintaan guru yang menguruskan perpustakaan berkenaan. Beliau telah berjaya mendapatkan ruang perpustakaan yang lebih luas berbanding sebelumnya memandangkan beliau telah meminta ruang berkenaan daripada pihak pengurusan penjara. Guru berkenaan juga menyatakan bahawa masalah utama mereka adalah kekangan peruntukan bagi membangunkan koleksi di perpustakaan.

b) Koleksi perpustakaan

Koleksi perpustakaan penjara kebanyakannya adalah hasil sumbangan masyarakat / agensi. Antara yang menjadi koleksi di perpustakaan penjara seperti novel kekeluargaan, cerpen, buku rujukan ensiklopedia, buku rujukan keagamaan, buku rujukan persekolahan seperti SPM, UPSR, STPM dan PMR, buku dan majalah berkaitan motivasi dan

*Peranan perpustakaan penjara dalam pembentukan
sahsiah pesalah juvana*

kecemerlangan dan buku teks sekolah. Walaupun pihak institusi penjara mengalu-alukan sumbangan daripada masyarakat dan mana-mana agensi, kepekaan masyarakat dan agensi luar terhadap bahan-bahan bacaan penghuni penjara amatlah kurang. Ini kerana, perpustakaan penjara ketika ini adalah seumpama ruang untuk melambakkan buku-buku yang tidak sesuai dibaca seperti buku yang tidak memenuhi skema pembelajaran sekolah ketika ini, buku rujukan yang diterbitkan sekitar tahun 70an dan 80an serta buku-buku berkaitan laporan syarikat yang juga diterbitkan sekitar 80an dan 90an. Guru yang menguruskan perpustakaan hanya menerima apa sahaja bentuk sumbangan bahan-bahan bacaan yang diserahkan oleh masyarakat luar. Bahan berkenaan terlebih dahulu diteliti dan disemak oleh kakitangan penjara sebelum diserahkan ke perpustakaan. Berdasarkan penyelidikan Rafedzi & Abrizah (2014), majoriti responden bersetuju bahawa dengan membaca bahan yang bersesuaian, mereka mampu untuk mengubah diri mereka. Ada responden telah membangkitkan isu dimana kemurungan mereka di dalam penjara dan sikap pasif mereka adalah disebabkan oleh kegagalan pihak institusi penjara memenuhi kehendak maklumat mereka; bagi mengisi masa lapang mereka di sebalik tirai besi berkenaan. Diharapkan agar dengan penambahbaikan perpustakaan penjara ini, secara tidak langsung dapat membantu pihak institusi penjara di dalam memulihkan pesalah juvana sebelum mereka bercampur dengan masyarakat pada satu hari nanti.

- c) Ketiadaan pakar rujuk/pustakawan
Di setiap perpustakaan penjara, jawatan pakar rujuk atau pustakawan tidak wujud sama sekali. Ketiadaan mereka sedikit sebanyak menghalang kepada keperluan maklumat dikalangan pesalah juvana. Berdasarkan kepada penemuan kajian (Rafedzi & Abrizah, 2014), pesalah juvana berminat untuk bertanyakan soalan mengenai apa-apa perkara kepada mana-mana individu yang berada di dalam perpustakaan. Antara soalan mereka adalah berkaitan topik keagamaan dan bagaimana hendak mendapatkan maklumat yang dikehendaki oleh guru kelas mereka.
- d) Waktu perkhidmatan
Waktu perkhidmatan di perpustakaan penjara di Sekolah Integriti dan Sekolah SE mengikut waktu sesi persekolahan; iaitu dari jam 8 pagi sehinggalah jam 1.30 petang. Selepas jam berkenaan, perpustakaan akan ditutup dan pesalah juvana mempunyai aktiviti petang yang dijadualkan oleh pihak pengurusan penjara.

CADANGAN UNTUK MEMPERTINGKATKAN PERPUSTAKAAN PENJARA

Di dalam membentuk sahsiah pesalah juvana supaya menjadi lebih baik daripada sebelumnya, adalah perlu bagi institusi penjara menyelesaikan masalah ini dengan melakukan beberapa perubahan.

a) Koleksi perpustakaan

Berdasarkan kepada penyelidikan yang dilakukan (Rafedzi & Abrizah, 2014), polisi pembangunan koleksi perpustakaan penjara seharusnya disemak semula dan dibuat penambahbaikan. Sebagai contoh, pihak institusi penjara seharusnya menolak sumbangan bahan bacaan daripada masyarakat atau agensi luar yang tidak memenuhi kriteria pembacaan penghuni penjara. Semakan terhadap tahun penerbitan juga adalah amat penting supaya perpustakaan penjara tidak dijadikan seperti pusat lambakan buku yang ketinggalan zaman. Selain daripada itu, pihak institusi penjara juga seharusnya menyedari masalah pesalah juvana yang dikategorikan sebagai pelajar tercicir persekolahan atau pesalah juvana yang buta huruf.

Koleksi di perpustakaan seharusnya juga dipelbagaikan bagi menarik perhatian pesalah juvana. Antara bahan yang boleh dijadikan koleksi di perpustakaan penjara seperti :

- i. Majalah kanak-kanak / bersifat keagamaan
- ii. Majalah kartun (berilustrasi dan bersifat keagamaan)
- iii. Majalah berkaitan hobi seperti memancing, senaman dan sukan.
- iv. Majalah berkaitan pengetahuan am seperti Dewan Masyarakat, Dewan Siswa, Dewan Masyarakat, Dewan Sastera dan Dewan Pelajar.
- v. Kamus pelajar BM – BI, BI – BM dan kamus kanak-kanak.
- vi. Buku cerita kanak-kanak.
- vii. Novel / cerpen sains fiksyen, kekeluargaan dan keagamaan.
- viii. Buku / majalah motivasi / disiplin.
- ix. Set barangan permainan seperti catur, dam dan karom.
- x. Bahan audio visual seperti televisyen dan unit astro bagi memudahkan pesalah juvana mempelajari subjek mereka melalui rancangan pendidikan sekolah.
- xi. Set komputer / internet bagi mendidik pesalah juvana menggunakan internet bagi tujuan pengaksesan dan kemahiran maklumat.

*Peranan perpustakaan penjara dalam pembentukan
sahsiah pesalah juvana*

- xii. Buku teks persekolahan dari sekolah rendah sehingga sekolah menengah.
 - xiii. Buku rujukan dan buku latihan peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM
 - xiv. Buku akademik bagi bidang berkaitan perakaunan dan pengurusan perniagaan (berkaitan dengan bidang diambil oleh pesalah juvana).
- b) Waktu perkhidmatan
Perkara ini pernah disuarakan oleh beberapa pesalah juvana supaya pihak penjara melanjutkan tempoh perkhidmatan perpustakaan kepada mereka. Kajian juga mendapati bahawa waktu perkhidmatan yang singkat iaitu hanya dibuka semasa sesi persekolahan adalah tidak relevan. Sesetengah pesalah juvana mengharapkan agar institusi penjara dapat membuka perpustakaan berkenaan sekurang-kurangnya sehingga lewat petang. Mereka berpendapat bahawa perpustakaan adalah sesuai dikunjungi oleh mereka yang tidak gemar bersukan pada waktu petang. Sekurang-kurangnya, mereka tidak berasa bosan dan masa berkenaan dapat diisi dengan aktiviti yang berfaedah.
- c) Pakar rujuk / pustakawan
Pakar rujuk atau pustakawan yang berkhidmat di perpustakaan penjara seharusnya dapat membantu di dalam merapatkan jurang maklumat antara penghuni penjara dengan masyarakat di luar penjara. Mereka perlu memahami serta membantu untuk memenuhi keperluan maklumat penghuni penjara walaupun mereka adalah dari golongan yang tidak disukai oleh masyarakat.
- Pakar rujuk atau pustakawan juga adalah penting bagi membantu penghuni penjara di dalam hal berkaitan pembacaan dan pemilihan bahan. Sebagai contoh, daripada kajian didapati bahawa penghuni penjara gemar untuk bertanyakan soalan mengenai bahan yang terdapat di perpustakaan. Adalah lebih tepat jika pakar rujuk berada di perpustakaan berkenaan untuk membantu mereka; berbanding individu yang mungkin tidak memahami konsep perpustakaan itu sendiri.
- d) Aktiviti/latihan di perpustakaan
Perpustakaan tidak hanya menyediakan bahan bacaan kepada penggunanya. Wujudnya pakar rujuk atau pustakawan di perpustakaan

penjara, secara tidak langsung dapat menyediakan beberapa aktiviti perpustakaan untuk disertai oleh penghuni penjara. Secara tidak langsung, penghuni penjara akan berasa tenang dan gembira ketika berada di sebalik tirai besi itu. Dan paling utama, mereka akan lebih menghargai tentang kewujudan perpustakaan dan akan terus menggunakan perpustakaan apabila dibebaskan kelak. Antara aktiviti yang boleh dilakukan oleh pihak perpustakaan adalah seperti :

- i. Pertandingan bercerita.
 - ii. Pertandingan pencarian buku (book hunt)
 - iii. Pertandingan sahibba.
 - iv. Pertandingan membaca.
 - v. Latihan kemahiran maklumat
 - vi. Latihan penggunaan bahan rujukan seperti ensiklopedia, kamus, almanak dan sebagainya.
 - vii. Latihan penggunaan internet bagi tujuan pengaksesan maklumat kerjaya, maklumat kursus vokasional/teknikal, perniagaan dan sebagainya.
- e) Polisi pembangunan koleksi
- Polisi pembangunan koleksi adalah perlu untuk diwujudkan di perpustakaan penjara. Polisi ini akan membantu untuk menyediakan koleksi-koleksi bacaan yang relevan sahaja diletakkan di dalam perpustakaan. Polisi ini juga adalah sebagai satu panduan yang harus dipatuhi oleh pihak pengurusan perpustakaan dan institusi penjara untuk memastikan bahawa tiada lambakan bahan bacaan yang lama dan tidak relevan di dalam perpustakaan penjara.

KESIMPULAN

Aspirasi gagasan 1 Malaysia yang dilaungkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak (2009) telah menekankan 8 nilai teras utama untuk menjadi bangsa yang berjaya dan salah satu daripadanya adalah melalui pendidikan. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar rakyat Malaysia dapat mempertingkatkan tabiat membaca. Seharusnya kita juga tidak lupa bahawa pesalah juvana yang sedang terkurung di dalam penjara juga perlu diberikan hak pendidikan dan maklumat yang sama. Ini adalah kerana kesemua pesalah-pesalah ini masih di usia bawah umur yang perlu diberikan hak pendidikan sama seperti rakan-rakan mereka di luar sana. Kepentingan pendidikan dan ilmu pengetahuan harus ditekankan kepada golongan ini untuk mengelakkan mereka dari terjebak kembali dalam aktiviti jenayah selepas dibebaskan. Di sinilah pentingnya peranan

Peranan perpustakaan penjara dalam pembentukan sahsiah pesalah juvana

perpustakaan penjara dalam menyokong pendidikan teras di dalam penjara untuk memberikan pendidikan dan menyediakan pesalah-pesalah ini kembali ke pangkuan masyarakat. Perlu diingatkan disini bahawa kewujudan perpustakaan penjara yang lengkap dan mempunyai koleksi yang baik sangat penting bukan sahaja kepada penghuni penjara, tetapi juga kepada semua kaki tangannya. Adalah amat penting bagisemua kakitangan penjara didedahkan kepada bahan bacaan yang dapat dijadikan rujukan professional untuk menambahkan pengetahuan mereka dalam menangani setiap permasalahan penghuni penjara. Pengetahuan ini amat penting untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang berlaku diantara kaki tangan penjara dan penghuninya disebabkan kurangnya pengetahuan. Sementara itu, koleksi bahan bacaan yang dikhususkan kepada penghuni penjara seharusnya dapat membantu mereka mendapatkan maklumat tambahan yang tidak dapat diperolehi di dalam kelas memandangkan mereka mempunyai akses yang sangat terhad kepada dunia luar. Disamping koleksi ilmiah, perlu juga ada bahan bacaan santai yang dapat memberikan hiburan dan dapat membantu pesalah menangani kemarahan dan membendung perasaan negatif mereka. Emosi-emosi negatif ini berkemungkinan adalah penyebab kepada perlakuan ganas dan jenayah mereka. Bahan rujukan berkaitan bangsa, bahasa dan agama juga perlu dititikberatkan oleh pihak institusi penjara kepada penghuni penjara yang berasal dari latarbelakang yang berbeza dengan penghuni penjara yang lain. Satu perkara penting yang harus diberi perhatian ialah perpustakaan penjara perlu diuruskan oleh pustakawan professional dan bukannya oleh kakitangan penjara yang tidak terlatih dalam bidang sains perpustakaan. Ini adalah untuk mastikan warga penjara dapat menikmati faedah maksimum apabila menggunakan perpustakaan. Masih terdapat perpustakaan-perpustakaan penjara yang diuruskan dan ditadbir oleh pengawal penjara yang tidak dilatih dan praktis ini semestinya menghadkan peluang penghuni penjara untuk menimba sebanyak mungkin ilmu melalui perkhidmatan-perkhidmatan profesional seperti perkhidmatan rujukan, bimbingan membaca, dan bimbingan literasi maklumat yang dikendalikan oleh pustakawan terlatih. Akhirkata, adalah diharapkan agar masyarakat umum dapat menyedari kepentingan perpustakaan di dalam penjara dan sewajarnya pihak atasan dapat memberi perhatian serius dalam isu pembangunan perpustakaan penjara untuk masa hadapan pesalah juvana yang lebih cerah.

RUJUKAN

Abdul Wahab Kassim. 2004. *Juveniles on Remand : Trends and Practices in Malaysia*. Accessed on 23 March 2012 from: http://www.unafei.or.jp/english/pdf/RS_No68/No68_17PA_Kassim.pdf

E.R.K Rafedzi, A. Abrizah dan Halida Yu

- Barone, R. M. 1977. De-programming prison libraries. *Special Libraries*, Sept 1977: 296.
- Bowe, C. 2011. Recent trends in UK prison libraries. *Library Trends*, Vol. 59, no. 3: 427-445.
- Bradshaw, W. and Rosenborough, D. 2005. Restorative justice dialogue: The impact of mediation and conferencing on juvenile recidivism. *Federal Probation*, Vol. 69, no. 2: 15-21.
- Brunner, M. S. 1993. *Reduced Recidivism and Increased Employment Opportunity Through Research-Based Reading Instructions*. Accessed on 2 June 2012 from: <http://files.eric.ed.gov/fulltext/ED361646.pdf>
- Chiam, H.K and Chan, S.G. 2011. A profile of delinquents in an approved school. *Akademika*, Vol. 81, no. 1: 101.
- Conrad, S. 2012. Collection development and circulation policies in prison libraries : An exploratory survey of librarians in US correctional institutions. *The Library Quarterly*, Vol. 82, no. 4: 407-427.
- Czajkowski, F. 1992. The importance of library and reading in the rehabilitation process of the disabled people. *IFLA 58th General Conference, 30 August – 5 September 1992, New Delhi, India*.
- Darbouze, K. 2008. *Rehabilitatibe Methods and the Affect on Juvenile Delinquents*. Accessed on 16 August 2013 from: <http://drum.lib.umd.edu/bitstream/1903/10097/1/Darbouze,%20Kelie.pdf>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2013. *Kamus Dewan*. Accessed on 23 Disember 2014 from: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?>
- Elliot, D. S. 1966. Delinquency, school attendance and dropout. *Social Problem*, Vol. 13, no. 3: 307-314.
- Farrington, D. 1994. *Early Developmental Prevention of Juvenile Delinquency*. Accessed on 8 July 2011 from: <http://www.jstor.org/discover/10.2307/41376602?uid=372357871&uid=3738672&uid=2&uid=3&uid=67&uid=62&uid=16739000&sid=21102149256673>
- Finn, J. D. 1989. Withdrawing from school. *Review of Educational Research*, Vol. 59, no. 2, 117-142.
- Hasan Bahrom. 2004. Remaja, kemiskinan dan juvana suatu reality? Retrieved on 18 March 2012 from: http://uitm.academia.edu/HasanBahrom/Papers/1339986/Remaja_kemiskinan_dan_juvana_satu_realiti
- Gendron, D. and Cavan, J. 1988. Inmate education : The Virginia model. *Annual Convention of the American Association of Community and Junior Colleges*. Las Vegas : American Association of Community and Junior Colleges.

***Peranan perpustakaan penjara dalam pembentukan
sahsiah pesalah juvana***

- Gilman, I. 2008. Beyond books : Restorative librarianship in juvenile detention centers. *Public Libraries*, Vol. 47, no. 1.
- Glennor, S. V. 2006. *Library Services to Disadvantaged User Groups : Library Services to Adult Prisoners in the United States*. Accessed on 2 August 2010 from: <http://libreas.eu/ausgabe6/003shir.htm>
- IFLA. 2008. *The Library Services to People with Special Needs Section An Historical Overview*. Accessed on 5 January 2012 from: <http://www.ifla.org/files/assets/lsn/publications/lsn-history.pdf>
- Knudsen, M. 2000. How my library affects my life in prison. *Education Libraries*, Vol. 24, no. 1: 20.
- Lehmann, V. 2003. Planning and implementing prison libraries: Strategies and resources. *69th IFLA Council and General Conference, 1-9 August 2003, Berlin, Germany*.
- Lehmann, V. 1999. Prison librarians needed: A challenging career for those with the right professional and human skills. *65th IFLA Council and General Conference, 20-28 August 1999, Bangkok, Thailand*.
- Lemon, M. 1997. Prison libraries change lives. *Information Outlook*. Accessed on 2 August 2009 from: http://findarticles.com/p/articles/mi_m0FWE/is_n11_v1/ai_20078332/pg_2/?tag=content
- LJodal, H. K. and Ra, E. 2011. Prison libraries the Scandinavian Way : An overview of the development and operation of prison library services. *Library Trends*, Vol. 59, no. 3: 473-489.
- Malaysia. Prison Department. 2000. *Malaysia Prison Regulations*. Accessed on 2 May 2010 from: http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/english/undang2_en
- Malaysia. Prison Department. 2013. *Jumlah Juvana Sabitan dan Reman yang Ditempatkan di Setiap Penjara di Malaysia Sehingga 20 April 2013 (Berumur 21 Tahun ke Bawah)*. Unpublished statistics. Jabatan Penjara Malaysia : Kajang.
- McClaskey, H. C. 1977. Training and research in correctional librarianship. *Library Trends*, Vol. 26, no. 1: 39-52.
- Najib Abd Razak, Dato' Sri. 2011. *IMalaysia*. Accessed 12 February 2011 from: <http://1malaysia.com.my>
- Nurul Adlina Kamaludin. 2009. Aib juvana remaja. *Berita Minggu*, 12 April 2009: 15.
- Rafedzi, E. R. K and Abrizah, A. 2014. Information needs of male juvenile delinquents : the needs to be met in a prison setting. *Information Development*.
- Rafedzi, E. R. K. and Abrizah, A. 2014. The library for the incarcerated male juveniles : An observation of five correctional schools. *Proceedings of the 5th*

E.R.K Rafedzi, A. Abrizah dan Halida Yu

International Conference on Libraries, Information and Society (ICoLIS 2014), Kuala Lumpur, Malaysia, 4 – 5 November 2014.

Ripley, P. 1993. *Prison Education Role in Challenging Offending Behavior*. Accessed on 10 December 2012 from: <http://files.eric.ed.gov/fulltext/ED377405.pdf>.

The Star. 2010. *Survey Shows That Most Teenagers are the Type to 'Hit And Run'*. Accessed on 24 October 2010 from:

<http://www.thestar.com.my/story.aspx/?file=%2F5%2F6%2Fnation%2F619738>

Vacca, J. S. 2008. Crime can be prevented if schools teach juvenile offenders to read. *Children and Youth Review*, Vol. 30, no. 9: 1055-1062.

Zybert, E. B. 2011. Prison libraries in Poland : Partners in rehabilitation, culture and education. *Library Trends*, Vol. 59, no. 3: 409- 426.